

Warga Kampus Semarakkan Festival Bayu Kenyalang 3.0



Kuantan, 25 April- Festival Bayu Kenyalang UMP 2015 anjuran Sekretariat Mahasiswa Anak Sabah Sarawak (SMASS) untuk tahun yang ketiga ternyata berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan warga kampus termasuk pelajar antarabangsa dalam festival yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP baru-baru ini.

Kemeriahan festival diserikan dengan replika Jambatan Tampaluri dari Tamparuli Sabah yang dibina oleh pelajar SMASS daripada buluh dan diikat kemas serta di letakkan di tengah-tengah dewan sebagai simbolik menyambut kedatangan tetamu kehormat melalui jambatan menuju ke pentas utama.

Selain persembahan pelajar anak-anak Sabah dan Sarawak ini kelihatan begitu anggun berpakaian tradisional. Turut mendapat tepukan gemuruh adalah persembahan tarian pelajar India yang menyerikan majlis.

Pengarah Festival Bayu Kenyalang, Mohd Adhan Izmi bin Roslan berkata program ini memberi peluang mereka mempamerkan budaya Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada orang ramai selain mempamerkan adat dan kebudayaan Malaysia yang berbilang bangsa dan keturunan.



"Festival ini dapat mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara mahasiswa yang berbilang kaum serta mengeratkan hubungan antara pelajar pelbagai kaum dalam kalangan pelajar UMP," katanya.

Bagi Cecilia yang merupakan pelajar tahun ketiga jurusan Kejuruteraan Awam berasal dari Miri, Sarawak menyifatkan penganjuran kali ini amat membanggakan dan beliau berpuashati dengan komitmen semua jawatankuasa. Dia yang bertindak sebagai AJK Dekorasi turut terlibat didalam persembahan tarian pada malam tersebut.

Program turut menampilkan artis jemputan iaitu Fiq Mentor dan Emma AF di acara kemuncak festival kali ini. Turut hadir Naib Canselor UMP, Professor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Professor Dato Dr.Yuserrie Zainuddin.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 08-05-2015, 08:53:09